



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 6 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INSENTIF MAFI BANTU GOLONGAN SASAR, NASIONAL, SINAR AHAD -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SYARAT IMPORT LEMBU HIDUP DIPERKETATKAN ELAK LSD -MAFI, ASTRO AWANI - ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	SYARAT IMPORT LEMBU DIPERKETAT, BH -ONLINE	
4.	LIMA EKOR LEMBU DI GOMBAK TUNJUK TANDA DIANGKITI LSD, NASIONAL, SH -9	
5.	LELAKI SERET KUCING ATAS JALAN DITAHAN, LOKAL, METRO AHAD -20	
6.	HARVESTING KELULUT HONEY VIA SUSTAINABLE PRACTICES, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -14	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	BEKAL NUTRIEN LENGKAP, LEBIH EFISIEN, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Insentif MAFI bantu golongan sasaran

Sedia peruntukan khas komuniti sektor pertanian, perikanan sepanjang PKP

Pandemik Covid-19 yang melanda negara sejak penghujung 2019 memberi kesan bukan hanya kepada kesihatan manusia tetapi mempengaruhi masyarakat secara umum, ekonomi, budaya, ekologi, politik dan banyak lagi.

Keadaan ini membawa impak ketara terhadap kehidupan rakyat Malaysia khususnya golongan berpendapatan rendah (B40).

Bekalan makanan merupakan faktor utama bagi kelangsungan hidup manusia terutama ketika pandemik. Bekalan makanan daripada sumber pertanian yang dijalankan sama ada dalam bentuk pengeluaran domestik, import atau eksport, mestilah mencukupi untuk menampung keperluan.

Sektor pertanian berperanan penting dalam membekalkan makanan, menyediakan bahan mentah kepada industri dan menjana peluang pekerjaan.

Aktiviti sektor pertanian iaitu tanaman komoditi & agromakanan, penternakan, perikanan maria dan akuakultur diteruskan sepanjang pandemik bagi memastikan bekalan makanan hasil pertanian dan perikanan mencukupi untuk kegunaan rakyat.

Peruntukan khas dan pelbagai usaha dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menyokong dan membantu golongan yang terabit dalam sektor pertanian serta perikanan meneruskan aktiviti.

Bagi memastikan bantuan berjalan lancar dan sampai ke sasaran, pemantauan berkala dilakukan terhadap semua program dan peruntukan yang telah dirancang bagi pembangunan sektor agromakanan untuk dilaporkan dari semasa ke semasa.

Bermula daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 pada Mac 2020, pelbagai peruntukan disalurkan kepada MAFI melalui Dana Jaminan Makanan dalam Prihatin, Penjana dan Perkerkasa.

Prestasi perbelanjaan bagi program dan peruntukan di bawah inisiatif ini adalah sejajar (on track) mengikut unjuran dan dijangka dapat dibelanjakan sepenuhnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Walaupun peruntukan ini disalurkan secara one-off, namun kesan pelaksanaannya berpanjangan. Sebagai contoh, program Kebuniti di bawah Penjana kendalian Jabatan Pertanian memupuk minat warga kota terlibat lebih serius dalam pertanian bandar, manakala program Stok Bekalan Makanan di bawah Prihatin kendalian FAMA berjaya menstabilkan bekalan makanan di pasaran dan memanjangkan hayat penyimpanan sayur serta buah terpilih sehingga tiga bulan.

Bantuan berterusan

MAFI turut menyedari akan keperluan

untuk meneruskan bantuan, insentif dan subsidi kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) seperti petani, pesawah, nelayan dan penternak jika pandemik berterusan hingga akhir tahun.

Berdasarkan peruntukan Belanjawan 2021 yang telah diluluskan kepada MAFI, ia mencukupi untuk menampung tunai bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan baru dan sedia ada sehingga hujung tahun.

PKP tidak menghalang MAFI daripada terus menyampaikan bantuan, misalnya Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300, Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHITI) serta Subsidi Minyak Diesel dan Petrol.

Untuk pesawah, subsidi dan insentif tanaman padi, subsidi baja padi bukit dan subsidi harga padi bagi musim penanaman tahun ini di seluruh negara disediakan.

Perancangan projek pembangunan sektor agromakanan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 bagi tempoh lima tahun ke hadapan telah mengambil kira ketahanan (*resilience*) industri pertanian berhadapan dengan pelbagai faktor luaran seperti serangan penyakit, perubahan iklim serta pandemik.

Pelbagai strategi dan pelan tindakan juga telah dirancang melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) 2021-2030 dengan tumpuan khusus kepada empat (4) sub-industri termasuk padi dan beras, sayur-sayuran dan buah-buahan, ternakan serta perikanan dan akuakultur untuk meningkatkan pengeluaran dan jaminan bekalan makanan negara.

Dasar Sekuriti Makanan Negara

Sekuriti Makanan Negara juga tidak akan terjejas kerana komponen sekuriti makanan tidak hanya terhad kepada dimensi ketersediaan makanan, tetapi juga akses makanan dan keselamatan makanan.

Sebelum penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC), tidak ada satu platform yang membincangkan kesemua dimensi sekuriti makanan secara holistik sebaliknya dibincangkan secara berasingan melalui Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) di bawah MAFI, Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK) di bawah Kementerian Kesihatan.

Apabila FSCC ditubuhkan pada 25 Mac 2020, satu perbaharuan dalam meningkatkan tahap sekuriti makanan negara tercetus dengan pelaksanaan strategi mengukuhkan rantaian makanan bermula daripada peringkat pengeluaran input dan pertanian hinggalah ke pemasaran dan pengedaran.

Beberapa strategi FSCC juga telah mula dilaksanakan seperti Program Smart Sawah Berskala Besar iaitu satu inisiatif awam swasta dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan rui negara di samping memberi peluang kepada pesawah keluar daripada kitaran ekonomi pendapatan rendah.

Untuk jangka masa panjang, melalui FSCC Malaysia sudah pasti akan dapat meningkatkan



Subsidi dan insentif tanaman padi, subsidi baja padi bukit dan subsidi harga padi kepada pesawah.

kedudukannya dalam Global Food Security Index (GFSI) dan juga indikator utama yang digunakan untuk mengukur tahap sekuriti makanan sesebuah negara berlandaskan United Nations Sustainable Development Goal (SDGs 2030): Zero Hunger.

MAFI selaku sekretariat utama kepada FSCC mengguna pakai model pengukuran yang serupa dengan GFSI dan SDG bagi memantau peningkatan tahap sekuriti makanan negara dari tahun ke tahun. Keyakinan rakyat terhadap tahap sekuriti makanan negara akan bertambah.

Inisiatif untuk rakyat, usahawan

PASAR SEGAR TERKAWAL (PST):

Kewujudan PST di 42 lokasi di seluruh negara bertujuan memberi pilihan kepada pengguna mendapatkan barangan keperluan dengan penjimatan 5 hingga 20 peratus. Malah sebagai ruang pasaran kepada usahawan memasarkan produk ketika PKP 1.0 dikuatkuasakan dan diteruskan untuk PKP 3.0.

PST terdiri dari sebahagian outlet-outlet FAMA seperti pasar tani, pasar tani kekal, myfaam outlet, dan pusat operasi FAMA & agrobazaar. Pengguna boleh layari <http://www.fama.gov.my/web/pub/faq> untuk maklumat lanjut.

AGROBAZAAR ONLINE:

Impak sebaran Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sejak April 2020, menyebabkan portal Agrobazaar Online hampir sesak dan aliran trafik ke portal Agrobazaar Online menjadi tinggi. Nilai jualan keseluruhan (18 Mac 2020 - 25 April 2021) merekodkan sebanyak RM2.46 juta.

Kerjasama FAMA dengan platform e-dagang lain seperti Lazada, Shopee dan Foodpanda berjaya membantu lebih daripada 1,500 penjual tempatan berniaga dalam talian. eFAMAPLACE merupakan microsite yang menyenangkan lebih daripada 7,000 produk produk agro makanan Malaysia.

PROGRAM PERTANIAN

BANDAR:

Program ini bertujuan membantu B40 penduduk bandar dan pinggir bandar meringankan kos sara hidup dengan menanam

tanaman makanan untuk kegunaan sendiri dan lebihannya dijual sebagai sumber pendapatan. Projek ini bermula pada tahun 2014 dan sehingga kini seramai 124,988 orang di 5,065 lokasi telah mendapat manfaat.

Sebanyak RM10 juta diperuntukkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi sebagai tambahan kepada Projek Pembangunan Pertanian Bandar sedia ada dalam Rancangan Malaysia Ke 11 bagi membantu penduduk bandar dan pinggir bandar.

AGROPRENEUR MUDA:

Program ini menggalakkan golongan muda berumur 18 - 40 tahun terlibat dalam sektor pertanian dan industri makanan. Ia merangkumi seluruh rantaian nilai agromakanan melibatkan sub sektor tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan, pemasaran dan agropelancongan.

Pada tahun 2016 hingga April 2021, seramai 7,112 orang telah menerima bantuan Geran Agropreneur Muda berjumlah RM126 juta.

Bagi tahun 2021, MAFI menerima peruntukan RM15 juta untuk membantu seramai 750 orang agropreneur muda. Sehingga April, sebanyak RM4.05 juta geran telah diluluskan kepada 204 orang peserta.

Pada 18 Mac, MAFI telah melancarkan pembiayaan Agro-YES dengan peruntukan berjumlah RM21 juta. Sehingga 7 Mei, semua pembiayaan Agro-YES telah diluluskan kepada 104 pemohon.

Tiga bantuan utama diberikan iaitu:

- Geran Agropreneur Muda RM20,000 bagi projek permulaan dan projek sedia ada dibuka sepanjang tahun.
- Semua peruntukan Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-YES) pinjaman RM50,000 - RM500,000 melalui Agrobank telah disalurkan.
- Kursus Teknikal & Generik Agropreneur Muda melalui Jabatan/Ageni di bawah Kementerian dibuka sepanjang tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Syarat import lembu hidup diperketatkan elak LSD - MAFI



Che Abdullah berkata pensampelan akan dijalankan untuk tujuan pengesanan penyakit dan ternakan lembu yang dijangkiti perlu diasingkan serta dilupuskan menerusi penyembelihan di rumah sembelih swasta yang dilesenkan. - Foto BERNAMA

KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah mengetatkan syarat import lembu hidup dari luar negara bagi mencegah penularan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang kini menular di beberapa negara Asia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata selaras dengan itu Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) telah diminta memperkemas kawalan di pintu masuk negara dan mengambil tindakan ke atas mana-mana lembu import yang menunjukkan gejala penyakit LSD di setiap stesen kuarantin.

Beliau berkata pihaknya juga memohon kerjasama pemain industri termasuk pengimport, peraih dan perternak lembu supaya segera menghubungi pejabat JPV di negeri atau daerah berdekatan sekiranya mengesyaki ternakan lembu di dalam jagaan atau kandang menunjukkan gejala LSD.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Syarat import lembu diperketat



KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengetatkan syarat import lembu hidup bagi mencegah penularan penyakit kulit kental/berbonjol (LSD) yang menular di beberapa negara Asia.

Berikutan itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan

Malaysia (MAQIS) diminta memperkemas kawalan di pintu masuk negara.

Katanya, tindakan juga wajar diambil ke atas mana-mana lembu import yang menunjukkan gejala LSD di setiap stesen kuarantin.

Beliau berkata, MAFI memohon kerjasama penggerak industri termasuk pengimport, peraih dan perternak lembu supaya segera menghubungi pejabat JPV negeri atau daerah berdekatan jika mengesyaki ternakan lembu dalam jajaan atau kandang menunjukkan gejala LSD.

Katanya, persampelan akan dijalankan untuk tujuan pengesanan penyakit manakala ternakan lembu yang dijangkiti perlu diasingkan serta dilupuskan menerusi penyembelihan di rumah sembelih swasta dilesenkan.

"JPV mengaktifkan program pemantauan bagi mengesan, mengawal dan mencegah penularan penyakit LSD pada ternakan lembu di seluruh negara.

"Setakat ini, sebanyak 81,252 ekor ternakan lembu di 9,108 premis atau ladang diperiksa dan mendapati 89 ekor atau 0.1 peratus menunjukkan gejala jangkitan LSD dan sudah dilupuskan," katanya.

Che Abdullah memaklumkan, berita tular berkaitan "Elakkan membeli daging segar yang dijangkiti penyakit lembu di Perak" adalah tidak benar.

Katanya, LSD tidak menjangkiti manusia dan menafikan gambar individu yang tular dengan gejala di bawah mata didakwa akibat dijangkiti LSD.

Che Abdullah berkata, walaupun LSD tidak menyebabkan kematian tinggi terhadap lembu, ia memberi kesan ekonomi kepada penggerak industri penternakan lembu dan kerugian akibat lembu menjadi kurus, penurunan pengeluaran susu, keguguran dan kemandulan kepada lembu jantan.

"Setakat ini, tiada rawatan khusus untuk penyakit LSD dan lembu yang dijangkiti boleh diberikan rawatan bagi mengelak jangkitan sekunder menerusi pemberian antibiotik, anti-radang dan vitamin," katanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Lima ekor lembu di Gombak tunjuk tanda dijangkiti LSD

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Selangor mengesan lima ekor lembu pedaging di sebuah ladang di Gombak yang menunjukkan tanda-tanda klinikal dijangkiti penyakit kulit kental (LSD) pada Rabu.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Ir Izham Hashim

berkata, sampel nodul (pembengkakan) dan darah lembu berkenaan diambil dan dihantar ke makmal veterinar untuk ujian pengesahan.

“Ladang berkenaan turut diarahkan untuk mengasingkan ternakan yang sakit, menjalani kuarantin dan tidak memindahkan ternakan keluar atau masuk

ladang,” katanya menerusi satu kenyataan pada Sabtu.

Izham berkata, JPV Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sedang mengetatkan syarat import lembu hidup dari negara luar bagi mencegah penularan penyakit tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2021	METRO AHAD	LOKAL	20

Lelaki seret kucing atas jalan ditahan

Teluk Intan: Seorang lelaki yang didakwa melakukan penganiayaan terhadap kucing dengan menyeret haiwan itu sambil menunggang motosikal di Langkap di sini, seperti tular di media sosial, ditahan polis, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, suspek berusia 45 tahun itu ditahan selepas menyerah diri ke Balai Polis Langkap, jam 9 malam.

Menurutnya, lelaki berkenaan turut membuat laporan penafian mengenai kejadian terbabit.

"Suspek mendakwa dia menangkap kucing berkenaan menggunakan sauk untuk dibuang di kawasan

berdekatan rumahnya.

"Lelaki itu mendakwa tiba-tiba kaki depan kucing berkenaan terkeluar dari jaring sauk menyebabkannya terseret di atas jalan ketika dalam perjalanan ke kedai makan berhampiran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, suspek sudah dibebaskan dengan jaminan polis, semalam selepas diambil keterangan untuk membantu siasatan.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan dan Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Kes akan dirujuk ke pejabat timbalan pendakwa raya untuk arahan lanjut," katanya.



TANGKAP layar rakaman video menunjukkan suspek mengheret kucing ketika menunggang motosikal.

Headline	Harvesting kelulut honey via sustainable practices		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	06 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	14	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	614 cm ²
Journalist	Soon Li Wei	AdValue	RM 8,373
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 25,119



Harvesting kelulut honey via sustainable practices

By **Soon Li Wei**

(Article in conjunction with World Environment Day which is celebrated annually on June 5.)

KUALA LUMPUR: Kelulut or stingless bee honey has been gaining popularity ever since it was recognised as a superfood by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) in 2016 due to its high nutrient and antioxidant content.

However, experts caution that harvesting of the honey, whether in the wild or in farms, must be carried out in a sustainable manner to maintain bee populations. This is because bees are vital to the ecosystem as they act as plant pollinators, indirectly resulting in improved plant pollination and increased crop production by up to 40 per cent.

Universiti Sains Malaysia (USM) senior lecturer in neuroscience Dr Mohd Zulkifli Mustafa, who has also carried out substantial research on kelulut bees, said the number of wild bee colonies in Malaysia and other countries has been steadily declining, threatened by habitat loss brought about by logging activities, the expansion of residential developments into virgin forests and use of pesticides on farms.

He said feral colony hunting or log hunting activities to acquire stingless bee colonies should also be stopped.

"When bee hunters cut down whole trees in the forest to get hold of bee colonies, the plant pollinations will be affected, thus flora and fauna get destroyed too," said Mohd Zulkifli, a veterinary surgeon by qualification with a PhD in neuroscience whose research interests revolve around molecular neuroscience and bee cognition as well as social innovation in the stingless beekeeping industry.



Kelulut or stingless bee honey has been gaining popularity ever since it was recognised as a superfood by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) in 2016 due to its high nutrient and antioxidant content. — Bernama photos

He said in the case of wild kelulut bee nests, the bee hunters would usually cut down the trees to obtain the bee colony brood and the queen bee. "Instead of cutting down the tree, it's best that they practise the education technique and (place the brood) into a standard man-made hive. Swarm traps can also be applied (for the bees to move into). If they (hunters) can get the queen bee as well and place the (man-made) hive at the initial location, the rest of the bees (in the colony) will also move to the hive within a few hours," he explained, adding that this was a much more sustainable way to acquire the kelulut bees and their honey.

He said USM has now embarked on queen bee breeding to expedite colony reproduction to fulfil the demand for kelulut honey.

Conservation

Mohd Zulkifli said compared to the tualang stinger bees which mainly nest in the jungle and far off the ground, the kelulut bees build their nests in already existing cavities or hollowed-

out areas of trees, buildings and hives.

"This nesting behaviour provides the opportunity for these stingless bees to be cultivated in intensive farms with controlled environmental conditions or in homes in rural areas with standard operating procedures in place," he said, adding that the empowerment of today's stingless bee industry would have a direct impact on the production of high-quality honey, while also sustaining pollination of crops and other plants to maintain biodiversity.

He said currently in Malaysia, there are more than 50,000 commercially farmed beehives, of which 6,000 are stingless beehives with the largest ones located in Sarawak and Kelantan.

He also said that stingless bee honey has had a long history of traditional indigenous use with a range of purported therapeutic properties, including its antidiabetic and antioxidant activity.

"Bees also act as plant pollinators, indirectly resulting in improved plant pollination and increased crop production

by up to 40 per cent, thus potentially providing additional income to beekeepers and their neighbourhoods, while increasing national agriculture produce.

"Thus, beekeeping should be regarded as a prime tool to achieve sustainable development," he told Bernama recently.

Malaysian Nature Society (MNS) president Prof Dr Ahmad Ismail said there should be more awareness on bee conservation, especially among farmers and villagers living near oil palm and rubber plantations who should be discouraged from using pesticides or carrying out logging activities, as well as destroying wild bee nests.

MNS, meanwhile, signed a memorandum of understanding with Corak Rentak Sdn Bhd last month to support the conservation of the stingless bee.

Corak Rentak managing director YAM Dato' Seri Di Raja Sharifah Azwan Syed Putra Jamalulhail said the one-year collaborative partnership aims to spread awareness of the importance of the bees through

Headline	Harvesting kelulut honey via sustainable practices		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	06 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	14	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	614 cm ²
Journalist	Soon Li Wei	AdValue	RM 8,373
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 25,119



DR MOHD ZULKIFLI MUSTAFA

MNS' membership base.

"We will be sponsoring the MNS membership fee for one year for purchasers of DEIRA (Kelulut) Stingless Bee Honey through Shopee and Lazada during a campaign, which will run for a month.

"At the same time, commercial farming of kelulut bees can also help to increase the incomes of the B40 community through sustainable beekeeping practices that protect the environment," she said.

She added that as part of its Corporate Social Responsibility programme, the company will be developing the Bee Engagement Entrepreneurship (BEE) project whereby "seed money donated by family and friends are used to start bee farming communities for the B40s Asnaf (hardcore poor), starting first in Kelantan state".

Ahmad said through their collaboration with Corak Rentak, MNS hopes to recruit between 3,000 and 5,000 new members. For details on MNS' recruitment campaign, please visit <https://www.mns.my>

Stingless bee species

Mohd Zulkifli said more than 35 stingless bee species have been identified in Malaysia but only two species are commercially cultivated to harvest the honey.

"Unlike honey bees, stingless bees are generally harmless to humans and domesticated animals, and are great pollinators too. Besides, they are also more resistant to the diseases and parasites that affect honey bees (that can sting)," he said.

Stingless bees are smaller in size, about seven millimetres to 10 mm long, and also have a shorter flight range of 500 metres

- making it easier to keep them among crops for pollination. In comparison, stinger honey bees are 12 mm to 25 mm long and have a flight range of two kilometres.

Stingless bees can produce an average of three kilogrammes of honey per colony each year, with its harvest time being between March and September.

"Malaysia's tropical climate results in honey with high moisture content, which causes fermentation. This produces a sour taste and foamy texture which depreciates the value of Malaysian honey internationally," said Mohd Zulkifli.

He also said that a study conducted by USM showed that kelulut honey improved spatial working memory after one tablespoon of the honey was consumed per day over a seven-day period.

He said the researchers in Universiti Putra Malaysia and the University of Queensland, Australia, also found that up to 84 percent of the Kelulut honey's sugar comprised trehalulose, which is a rare sugar with a low glycaemic index (GI).

"Traditionally it has been thought that stingless bee honey was good for diabetes and now we know why - having a lower GI means it takes longer for the sugar to be absorbed into the bloodstream, so there is no spike in glucose that you get from other sugars.

"People have patented ways of making trehalulose synthetically but it costs much higher than the natural honey. Current research shows that stingless bee honey can be used as a whole food on its own or in other food to get the same health benefits," he added.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2021	METRO AHAD	XPRESI	36

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Penggunaan baja dalam tanaman dilihat begitu penting kerana ia memberi khasiat tambahan untuk tumbesaran tanaman itu sendiri.

Malah, penggunaan baja untuk sayur-sayuran dan buah-buahan amat penting bagi membolehkan pengusaha tanaman mendapatkan hasil yang lebih cepat serta bermutu.

Namun, timbul cabaran dalam persekitaran semasa apabila terdapat baja yang boleh memberi kesan buruk kepada persekitaran terutama penggunaan baja kimia yang tidak mengikut sukatan yang betul.

Tidak sekadar itu, lebih memburukkan keadaan apabila berlaku perubahan iklim seperti hujan lebat berterusan mengakibatkan bahan kimia itu larut resap lebih cepat ke dalam tanah dan berpotensi mencemarkan kawasan yang menjadi sumber air.

Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menjalankan kajian untuk menghasilkan baja mesra alam yang bukan



THEEBA menjalankan kajian untuk melihat kesan penggunaan baja kepada tumbuhan dan alam sekitar.

BEKAL NUTRIEN LENGKAP, LEBIH EFISIEN

Baja OrganoPlus formulasi terkini hasil kajian MARDI ada elemen perapi tanah, kurangkan kadar larut resap



MAMPU menghasilkan sayur lebih berkualiti.

saja bersifat lestari malah lebih meningkatkan pengeluaran serta menjimatkan kos.

Hasil kajian sejak Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) iaitu selama lima tahun, MARDI menerusi penjana teknologinya, Theeba Manickam berjaya menghasilkan baja mesra alam yang dikenali sebagai Organo Plus.

Theeba berkata, kebanyakan baja konvensional sedia ada

di pasaran memfokuskan kepada makronutrien nitrogen (N), fosforus (P) dan kalium (K) yang kurang cekap untuk diserap tanaman.

Katanya, perkara itu akan mempengaruhi pembaziran nutrien akibat larut resap dan meningkatkan kos pengeluaran sekali gus mencemarkan alam sekitar.

"Baja OrganoPlus adalah formulasi



THEEBA mempromosikan baja OrganoPlus.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2021	METRO AHAD	XPRESI	37

terkini hasil kajian penyelidikan di Mardī yang menggabungkan komponen nutrien daripada bahan mineral dengan komponen organik dan semula jadi iaitu kompos biochar serta pemangkin.

"Malah baja ini adalah baja hibrid gabungan elemen organik dan mineral dapat membekalkan nutrien lengkap secara lebih efisien bagi pengeluaran hasil tanaman yang tinggi dan mampan," katanya.

Theeba berkata, di samping membekalkan nutrien yang penting untuk pengeluaran hasil tanaman, OrganoPlus juga mempunyai elemen perapi tanah dan pemangkin penyerapan nutrien yang penting bagi membantu mengurangkan kadar larut resap untuk pembajaan yang efisien serta mesra alam.

"Baja ini adalah sesuai untuk semua jenis tanah dan pelbagai tanaman buah seperti cili dan tomato. Selain itu, ia juga sesuai untuk tanaman bunga dan buah-buahan yang penting mengikut keperluan tanaman itu sendiri," katanya.

Jelasnya, baja itu diuji keberkesannya ke atas peningkatan hasil tanaman daripada 12 hingga 16 peratus dengan pengurangan baja sebanyak lima hingga 10 peratus berbanding baja komersial.

FOTO | MUHAMMAD FIRDAUS MOHAMED YUSOF



POKOK cili juga sesuai menggunakan baja berkenaan.

Baja ini adalah gabungan antara mineral dan organik kerana dengan organik saja baja berkenaan mempunyai NPK yang rendah dan tidak sesuai untuk semua tanaman

THEEBA

"Kajian dijalankan ke atas pelbagai jenis sayur-sayuran dan bunga-bunga di atas pelbagai jenis tanah antaranya tanah tinggi Cameron Highlands, tanah gambut dan tanah bermasalah iaitu tanah bris.

"Menerusi penggunaan berterusan Baja OrganoPlus, ia terbukti mampu meningkatkan kandungan bahan organik di dalam tanah bagi memastikan tanah kekal sihat dan subur.

Katanya, Baja OrganoPlus yang belum dikomersialkan ketika ini membantu mengurangkan pencemaran bahan kimia di dalam tanah.

"Baja ini adalah gabungan antara mineral dan organik kerana dengan organik saja baja berkenaan mempunyai NPK yang rendah dan tidak sesuai untuk semua tanaman.

"Apabila kita menggunakan baja hibrid seperti ini ia boleh digunakan untuk pelbagai jenis tanaman yang diusahakan," katanya.

Jelasnya, perkara paling penting ialah pelepasan bahan kimianya lebih baik dan mesra alam kerana terdapat bahan organik dan pemangkin nutrien yang melepaskan secara efisien kepada tanaman.

"Ertinya, sudah 30 peratus pengurangan larut resap nutrien ke dalam tanah berbanding baja sedia ada," katanya.

